



Buletin INSTUN



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

APRIL 2026

BENGGKEL AUDIT DALAM ISO 9001:2015 TAHUN 2026

Muka Surat 21



PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT

Muka Surat 23



ISSN 2600-853X



9 772600 853003

**MENARIK
DI DALAM**

KURSUS PERINTAH
JUALAN (LELONGAN)
PEJABAT TANAH
(TLO9/26)

Muka Surat 1

KURSUS
ASTROFOTOGRAFI DAN
CERAPAN LANGIT MALAM
(UG01/26)

Muka Surat 13

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
TUAN KHAIRIN NAZRY BIN KARIM

PENASIHAT
ENCIK ZULHASMI BIN MOHAMAD

KETUA EDITOR
CIK NORIMAH BINTI WAHAB

PEREKAAN & GRAFIK
ENCIK MOHAMAD HAFIZ BIN ABDUL AZIZ

SIDANG EDITOR
UKP BPP
UKP BPPT
UKP BUP
UKP BTM
UKP INSTUN

DARI KETUA EDITOR

Syukur ke hadrat illahi, buletin INSTUN 2026 bagi bulan April telah berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin instun ini adalah untuk melaporkan aktiviti - aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan April. Ia jugak adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsi bersama tentang informasi aktiviti yang telah dijalankan selari dengan perancangan di dalam takwin INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadikan peransang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan Aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti penyelaras buletin Jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin instun pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



KURSUS PERINTAH JUALAN (LELONGAN) PEJABAT TANAH (TLO9/26)

TARIKH : 1 dan 2 April 2026.

TEMPAT : - Pusat Kecemerlangan Pengurusan Tanah, Blok Akademik C, INSTUN
- Mahkamah Moot , Blok Akademik B, INSTUN (Latih Amal).

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 32 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Malaysia. Objektif kursus untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan Peraturan dan Tatacara Perintah Jualan.

Isi kandungan :

- Pengenalan Peruntukan-peruntukan Jualan di bawah KTN
- Prosedur Permohonan Perintah Jualan oleh Pentadbir Tanah
- Tatacara Penghantaran Notis, Siasat Perintah Jualan serta Kesan Perintah Jualan, Perakuan Jualan dan Agihan Wang Jualan
- Tatacara Lelongan Awam Harta Tak Alih di Mahkamah Tinggi Malaya
- Latih Amal Jualan (Permohonan & Siasatan)
- Latihan Amal Jualan (Prosedur Lelongan)





KURSUS DALAM TALIAN: PEROLEHAN DAN PENGURUSAN TANAH PERSEKUTUAN

TARIKH : 7 dan 9 April 2026.

TEMPAT : Dalam talian (Google Meet)

RINGKASAN PROGRAM: Kursus ini telah dihadiri seramai 50 orang dari pelbagai Kementerian /Jabatan. Objektif kursus ini bagi memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan dalam aspek Perolehan dan Pengurusan Tanah Persekutuan.



KURSUS SIJIL PENTADBIRAN TANAH -MODUL I :BILANGAN 2 (MODUL KANUN TANAH NEGARA)

TARIKH : 13 – 16 April 2026

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Geomatik , INSTUN

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 15 orang terdiri daripada pegawai di Kementerian/Jabatan/ Pejabat Tanah Dan Galian /Pejabat Daerah Dan Tanah.



KURSUS TATACARA SERBUAN DI BAWAH KTN DAN TATACARA MEMBERI KETERANGAN DI MAHKAMAH BILANGAN 1 (TL12/26)

TARIKH : 14 dan 15 April 2026.

TEMPAT : - Pusat Kecemerlangan Multimedia, Blok Akademik B, INSTUN
- Mahkamah Moot , Blok Akademik B, INSTUN (Latih Amal).

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 41 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Malaysia. Objektif kursus untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan dalam aspek Undang-undang dan Prosedur Serbuan serta sebagai seorang saksi ketika memberi keterangan di Mahkamah.

Isi kandungan :

- Pengenalan kepada Undang-undang berkaitan Serbuan
- Prosedur Pelaksanaan Serbuan
- Etika dan Keselamatan semasa Serbuan
- Latihan dan Simulasi Serbuan
- Pengenalan kepada Sistem Kehakiman dan Peranan Saksi
- Tatacara Memberi Keterangan di Mahkamah
- Teknik Menjawab Soalan Balas dan Etika di Mahkamah
- Simulasi Prosiding Mahkamah




KURSUS DALAM TALIAN : KURSUS PELUCUTHAKAN DAN PERKEMBALIAN TANAH DI BAWAH KTN (TLE14/26)

TARIKH : 29 dan 30 April 2026.

TEMPAT : Dalam Talian Google Meet.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 94 orang dari pelbagai Kementerian/ Jabatan. Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan asas hakmilik strata.






KURSUS DALAM TALIAN: TINDAKAN TUAN TANAH APABILA TANAH DIAMBIL OLEH KERAJAAN (TKE05/26)

TARIKH : 28 April 2026.

TEMPAT : Dalam Talian Google Meet.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 56 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus menjelaskan prosedur, Kaedah Pembayaran Cukai Tanah dan Peranan Pemilik Tanah serta Implikasi Kegagalan Pembayaran Cukai Tanah. Penceramah Dr. Azrihisyam bin Jambut



KURSUS ASAS PENTADBIRAN TANAH BIL 1 (TL13/26)

TARIKH: 20-23 April 2025.

TEMPAT: Pusat Kecemerlangan Geometik.

RINGKASAN PROGRAM: Kursus ini telah dihadiri seramai 16 orang pegawai dari pentadbiran tanah negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan aspek Pentadbiran Tanah. Penceramah En Zahar bin Sapar, Pn Noranizawaty binti Yusof, En Abnorhady bin Abu Bakar, En Huzaifah bin Amnan, En Mohd Zoolhalmy bin Razali, En Nasrul Izani bin Ramli, En Abdul Malek bin Abdullah dan penceramah jemputan dari Bahagian Pembahagian Pusaka Kecil JKPTG En Mohamad Zaim bin Johari.



KURSUS PENTADBIRAN DAN PERUNDANGAN TANAH BAGI ANGGOTA TENAGA NASIONAL BERHAD

TARIKH : 27 hingga 29 April 2026.

TEMPAT : KOMPLEKS BALAI ISLAM AN-NUR, TNB BANGSAR, KUALA LUMPUR.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus Pentadbiran dan Perundangan Tanah bagi Anggota Tenaga Nasional Berhad merupakan satu anjakan kepada sistem penyampaian maklumat INSTUN khususnya BPPT dalam berkongsi pengetahuan dan pengalaman berkaitan pentadbiran dan perundangan tanah di Malaysia. Perkongsian kepada TNB ini juga menunjukkan bahawa INSTUN masih relevan sebagai pusat rujukan berkaitan pentadbiran dan perundangan tanah.

Bagi kursus TNB ini, Kelab INSTUN telah menjadi penganjur bersama bagi memastikan kelancaran kursus di bawah kategori jemputan dari pihak swasta. Empat orang penceramah BPPT telah diamanahkan untuk berkongsi ilmu bagi memenuhi keperluan dan objektif penganjur. Semoga perkongsian memberi manfaat kepada TNB seterusnya memudahkan urusan bekalan elektrik kepada seluruh negara dalam aspek pengurusan tanah.



MESYUARAT BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN BIL.1/2026

TARIKH : 6 APRIL 2026

TEMPAT : PUSAT KECEMERLANGAN UKUR KADASTER (PKUK), INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Mesyuarat Bahagian Ukur dan Pemetaan Bil.1/2026 telah diadakan pada 6 April 2026 yang dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan, LSr Mohd Zaidi bin Zakaria. Ini juga merupakan mesyuarat terakhir yang dipengerusikan oleh beliau sebelum beliau bertukar ke JUPEM Ibu Pejabat.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN INSTUN DAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

TARIKH : 7 APRIL 2026 .

TEMPAT : DEWAN KULIAH INDUKSI, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Majlis Perhimpunan Bulanan INSTUN dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat INSTUN telah diadakan pada 7 April 2026. BUP pada tahun ini diberi tanggungjawab untuk membawa menu hari raya yang berkonsepkan makanan bergoreng. Bihun Goreng Daging dan Kuetiau Goreng Kerang merupakan air tangan dari BUP pada sambutan Aidilfitri tahun ini.



KURSUS SISTEM KOORDINAT DI MALAYSIA (UG04/2)

TARIKH : 7 - 9 APRIL 2026

TEMPAT : PUSAT KECEMERLANGAN UKUR GEODETIK (PKUG), INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus Sistem Koordinat di Malaysia anjuran INSTUN memberi pendedahan menyeluruh tentang konsep asas sistem koordinat serta penggunaannya dalam bidang ukur dan pemetaan, termasuk pengenalan kepada sistem geodetik seperti GDM2000, konsep latitud dan longitud, serta asas unjuran peta. Kursus ini juga merangkumi topik transformasi dan penukaran koordinat antara sistem yang berbeza, penggunaan teknologi GNSS seperti MyRTKnet, serta prinsip kawalan geodetik dalam pengukuran. Peserta turut didedahkan kepada aplikasi praktikal sistem koordinat dalam kerja ukur tanah, GIS dan pemetaan moden, sekali gus membantu meningkatkan kefahaman terhadap pelaksanaan sistem koordinat dalam konteks sebenar di Malaysia.



MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN SERTA MAJLIS SETULUS BUDI, SEMANIS MEMORI

TARIKH : 9 APRIL 2026.

TEMPAT : BALAI CERAP TAN SRI HARUSSANI, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM: Majlis Sambutan Aidilfitri BUP serta Majlis Setulus Budi, Semanis Memori telah diadakan pada 9 April 2026 di Balai Cerap Tan Sri Harussani, INSTUN bagi meraikan Lsr Mohd Zaidi bin Zakaria, Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan yang akan bertukar ke JUPEM Ibu Pejabat serta Sr Nor Azri Juhari bin Ahmad yang bertukar ke JUPEM Pulau Pinang berkuatkuasa 13 April 2026.




KURSUS ASTROFOTOGRAFI DAN CERAPAN LANGIT MALAM (UG01/26)

TARIKH : 14 – 17 APRIL 2026

TEMPAT : PUSAT KECEMERLANGAN UKUR GEODETIK (PKUG), INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus Astrofotografi dan Cerapan Langit Malam bertujuan memberi pendedahan kepada peserta tentang teknik merakam imej objek langit serta kaedah cerapan yang betul menggunakan peralatan astronomi.

Melalui kursus ini, peserta telah mempelajari asas astrofotografi seperti penggunaan kamera dan teleskop, tetapan pencahayaan, serta teknik penggambaran objek seperti bintang, bulan dan galaksi. Peserta turut didedahkan kepada kemahiran mengenal pasti objek di langit malam, penggunaan aplikasi sokongan, serta kaedah cerapan yang sistematik, sekali gus meningkatkan kefahaman dan minat terhadap bidang astronomi secara praktikal.




SESI PERJUMPAAN WARGA KERJA BUP BERSAMA KETUA BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN YANG BAHARU

TARIKH : 17 APRIL 2026

TEMPAT : PUSAT KECEMERLANGAN UKUR KADASTER (PKUK), INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM: Warga BUP telah menghadiri Sesi Perjumpaan Warga Kerja BUP bersama Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan yang baharu, LSr Muhammad Husaini bin Ya'cob. Dalam sesi tersebut, beliau telah menyampaikan amanat serta hala tuju beliau bagi memperkukuhkan lagi kecemerlangan dan budaya kerja warga BUP.




KURSUS HANDHELD GPS DALAM PELBAGAI PENGGUNAAN (UPE05/26)

TARIKH : 21 APRIL 2026.

TEMPAT : SECARA DALAM TALIAN.

RINGKASAN PROGRAM : Memberi pendedahan kepada peserta mengenai penggunaan peranti GPS mudah alih secara efektif dalam pelbagai aplikasi pemetaan dan kerja lapangan. Di samping meningkatkan kefahaman peserta tentang konsep asas sistem penentududukan global (GPS), cara pengendalian peranti handheld GPS, serta keupayaan mendapatkan dan merekod koordinat dengan tepat bagi tujuan pengumpulan data geospasial. Kursus ini juga bertujuan membolehkan peserta mengaplikasikan teknologi GPS dalam tugas sebenar seperti pemetaan lokasi, pengesanan aset, dan kerja-kerja sokongan ukur dengan lebih sistematik dan efisien.

Secara keseluruhannya, kursus ini membantu peserta meningkatkan kecekapan penggunaan GPS handheld dalam pelbagai situasi kerja lapangan secara praktikal dan profesional.



PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT INSTUN TAHUN 2026 DAN SESI RESENSI BUKU BERSAMA KETUA BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN

TARIKH : 23 APRIL 2026.

TEMPAT : PERPUSTAKAAN INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan, LSr Muhammad Husaini bin Ya'cob telah menyampaikan sesi resensi buku sempena Program Jom Baca Bersama 10 minit INSTUN Tahun 2026 menerusi perkongsian buku yang bertajuk "Seronoknya Mendidik Anak Dengan Kaedah NLP". Sesi tersebut turut memberi pendedahan mengenai pendekatan pendidikan anak yang positif dan berkesan melalui kaedah NLP yang dihadiri oleh Pengarah INSTUN, Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan selaku penganjur program, Pendaftar INSTUN serta wakil-wakil bahagian.



PELAKSANAAN AUDIT DALAMAN ISO 9001:2025 INSTUN TAHUN 2026

TARIKH : 28-29 APRIL 2026.

TEMPAT : PUSAT KECEMERLANGAN UKUR GEODETIK (PKUG), INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP) telah menerima kunjungan Pasukan Audit Dalaman ISO 9001:2025 INSTUN pada 28 hingga 29 April 2026. Auditor yang ditugaskan untuk membuat pelaksanaan audit di BUP adalah Puan Noranizawaty binti Yusof dan Encik Mohd Zoolhalmy bin Razali. BUP telah memperolehi dua (2) OFI pada sesi audit tersebut.



KURSUS TEKNOLOGI UAS (UKUR DAN PEMETAAN) – ASAS (UK08/26)

TARIKH : 28 – 30 APRIL 2026
PUSAT KECEMERLANGAN UKUR PEMETAAN (PKUP), INSTUN

TEMPAT :

RINGKASAN PROGRAM :

Kursus ini memberi pendedahan kepada peserta mengenai penggunaan teknologi Unmanned Aerial System (UAS) atau dron dalam kerja-kerja ukur dan pemetaan moden disamping memahami konsep asas operasi dron, peraturan dan keselamatan penerbangan, serta kaedah perancangan misi bagi tujuan pengumpulan data geospasial. Melalui kursus ini peserta dapat menambah pengetahuan asas berkaitan komponen dan fungsi dron, teknik pengendalian dan kawalan penerbangan, serta kaedah pengumpulan data imejan udara. Mereka juga didedahkan kepada proses asas pemprosesan data seperti penjanaan ortofoto, model permukaan digital (DSM), dan model 3D menggunakan perisian berkaitan. Di samping itu, peserta turut mempelajari aplikasi UAS dalam pelbagai bidang seperti pemetaan topografi, pemantauan tapak pembinaan, dan pengurusan tanah, termasuk pematuhan kepada garis panduan keselamatan dan peraturan semasa.

Secara keseluruhannya, kursus ini membantu peserta membina asas yang kukuh dalam penggunaan teknologi dron bagi tujuan ukur dan pemetaan secara lebih efisien dan sistematik.



KURSUS PENYEDIAAN PELAN MENGGUNAKAN PERISIAN COMPUTER AIDED DESIGN (CAD) (UKE08/26)

TARIKH : 30 APRIL 2026.

TEMPAT : SECARA DALAM TALIAN.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus Penyediaan Pelan Menggunakan Perisian Computer Aided Design (CAD) bertujuan meningkatkan kecekapan peserta dalam menghasilkan pelan teknikal secara digital dengan tepat, sistematik dan mengikut piawaian semasa, di samping memperkukuh kemahiran penggunaan perisian CAD dalam kerja-kerja ukur dan pemetaan. Melalui kursus ini, peserta dapat mempelajari asas dan aplikasi CAD seperti penyediaan lukisan pelan, pengurusan layer, penggunaan tools lukisan, penyuntingan serta penghasilan output pelan yang kemas dan profesional, sekaligus membantu meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja dalam bidang berkaitan.

Mereka juga dapat memahami fungsi utama perisian, jenis serta format pelan yang digunakan dalam kerja teknikal. Di samping dapat memahirkan diri dalam menghasilkan lukisan digital melalui proses mencipta dan menyunting objek, membuat anotasi, serta mengurus susun atur dan skala pelan dengan betul. Peserta turut didedahkan dengan penyediaan pelan pra hitungan yang penting bagi memastikan ketepatan dan kualiti hasil kerja seterusnya meningkatkan kecekapan dalam melaksanakan tugas berkaitan penyediaan pelan.



KURSUS DIGITAL FORENSIK DAN PENGURUSAN INSIDEN SIBER (TM03/26)

TARIKH : 22 - 24 April 2026

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan TM1, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus Digital Forensik dan Pengurusan Insiden Siber telah selesai dilaksanakan pada 22 hingga 24 April 2026 dengan jumlah kehadiran peserta seramai 24 orang. Peserta yang hadir kursus ini terdiri daripada pelbagai Kementerian dan Agensi.



BENGGKEL AUDIT DALAM ISO 9001:2015 TAHUN 2026

TARIKH : 8 – 10 April 2026.

TEMPAT : Lexis Port Dickson, Negeri Sembilan

RINGKASAN PROGRAM : Satu Bengkel Audit Dalam ISO 9001:2015 telah berjaya dilaksanakan pada 8 hingga 10 April 2026 bertempat di Lexis Port Dickson, Negeri Sembilan. Program selama 3 hari 2 malam ini bertujuan memperkasakan kompetensi para pegawai dalam mengendalikan audit dalaman yang sistematik mengikut piawaian antarabangsa.

Bengkel ini dikendalikan oleh Encik Azharuddin bin Mohd Samion, Pengarah dan Juru Perunding daripada EQMA Management Sdn Bhd. Sepanjang sesi, para peserta didedahkan dengan teknik simulasi audit praktikal dan kaedah pendokumentasian laporan yang berkualiti demi kelestarian pengurusan kualiti organisasi. Majlis penutupan telah disempurnakan oleh Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan. Beliau menekankan bahawa peranan juruaudit adalah tunjang utama dalam memastikan setiap proses kerja mematuhi prosedur organisasi serta sentiasa bersedia menghadapi audit pematuhan sebenar.

Walaupun seramai 20 pegawai pada asalnya disenarai pendek, hanya 13 orang pegawai dapat hadir sepenuhnya bagi sesi kali ini. Selebihnya tidak dapat menyertai bengkel atas kekangan yang tidak dapat dielakkan seperti faktor kesihatan (cuti sakit) serta urusan pertukaran keluar jabatan. Walau bagaimanapun, penglibatan aktif semua peserta telah memastikan objektif latihan tercapai dengan jayanya.



BENKEL ASAS PENERBITAN BUKU DIGITAL

TARIKH : 14-16 April 2026

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Tanah, INSTUN

RINGKASAN PROGRAM : Bengkel Asas Penerbitan Buku Digital anjuran Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan telah berjaya dilaksanakan selama tiga (3) hari, dari 14 hingga 16 April 2026, di Pusat Kecemerlangan Tanah, INSTUN. Program ini menghimpunkan 15 peserta yang berminat dalam penulisan dan penerbitan digital.

Bengkel ini mendedahkan peserta kepada penulisan, penerbitan, dan pendigitalan buku selaras teknologi semasa, termasuk penggunaan aplikasi digital dan AI untuk penghasilan buku yang sistematik dan berkualiti. Dikendalikan oleh tiga (3) penceramah berpengalaman, bengkel ini merangkumi teori, amali, dan latihan hands-on penerbitan buku secara menyeluruh. Peserta berpeluang menghasilkan contoh reka bentuk serta struktur buku digital secara langsung.



PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT

TARIKH : 23 April 2026.

TEMPAT : Ruang Speaker's Corner, Perpustakaan INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Program Jom Baca Bersama 10 Minit INSTUN 2026 oleh Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan telah berlangsung di Perpustakaan INSTUN pada 23 April 2026 (9.30 pagi - 11.30 pagi). Melibatkan 45 warga INSTUN, program ini bertujuan menggalakkan budaya membaca, mencintai ilmu. melalui slot Bicara Buku oleh Lsr Mohd Zaidi bin Zakaria mempromosikan bahan bacaan bertajuk "Seronoknya mendidik anak dengan kaedah NLP" tulisan Cr. Mahyana binti Mukhtar dan berkongsi pandangan serta galakan berkaitan amalan membaca dan kepentingan ilmu pengetahuan

Acara merangkumi ketibaan Pengarah dan ketua-ketua bahagian, bacaan doa, ucapan aluan Pengarah, aktiviti membaca senyap 10 minit, serta penyampaian cenderahati dan Anugerah Peminjam Terbanyak 2025. Secara keseluruhannya, program ini berjaya dilaksanakan dengan lancar, mencapai objektif menyemai minat membaca, mewujudkan suasana pembelajaran positif, dan diharap dapat diteruskan untuk memperkukuh budaya ilmu dalam organisasi.



SESI PERKONGSIAN ILMU: METODOLOGI KAJIAN – APA ANDA PERLU TAHU?


TARIKH : 24 April 2026.

TEMPAT : Google Meet.

RINGKASAN PROGRAM : Seksyen Penyelidikan dan Kompetensi telah menganjurkan Sesi Perkongsian Ilmu bertajuk “Metodologi Kajian – Apa Anda Perlu Tahu?”. Sesi ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai struktur penulisan metodologi kajian yang memenuhi piawaian penyelidikan, merangkumi pemilihan reka bentuk kajian serta instrumen yang lebih tepat dan bersesuaian.

Sesi perkongsian ini telah dilaksanakan secara dalam talian menggunakan platform Google Meet dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para penulis INSTUN. Sesi perkongsian ilmu ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan daripada Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT), Dr. Azrihisyam bin Jambut, dan telah berlangsung selama satu jam. Sesi dilaksanakan secara santai serta interaktif bagi membolehkan para penulis mengemukakan soalan secara terus serta memperoleh input dengan lebih praktikal. Sepanjang sesi berlangsung, pelbagai perkongsian penting telah disampaikan termasuk penerangan mengenai pemilihan metodologi yang bersesuaian, penyusunan struktur penulisan, serta kaedah penggunaan instrumen kajian yang efektif. Maklum balas yang diterima menunjukkan bahawa perkongsian ini memberi impak positif dan membantu meningkatkan kefahaman peserta terhadap topik berkaitan penulisan metodologi kajian yang disampaikan.

Secara keseluruhannya, sesi perkongsian ilmu ini telah mencapai objektif yang ditetapkan. INSTUN optimis dengan inisiatif ini dan berharap dapat membuahkan hasil penulisan yang lebih dinamik dan relevan, seterusnya memperkukuh peranannya sebagai pusat kecemerlangan ilmu dalam bidang tanah dan ukur di Malaysia.



AUDIT DALAM ISO 9001:2015 TAHUN 2026

TARIKH : 28 - 29 April 2026.

TEMPAT : INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Program Audit Dalam ISO 9001:2015 bagi tahun 2026 telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya mengikut tempoh yang ditetapkan, bermula pada 28 hingga 29 April 2026 bertempat di Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN). Pelaksanaan audit ini merupakan komitmen berterusan organisasi dalam mengekalkan piawaian sistem pengurusan kualiti yang tinggi.

Sesi pembukaan audit telah berlangsung pada 28 April 2026, jam 9.30 pagi, yang dipengerusikan oleh Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN. Majlis tersebut dihadiri oleh Ketua-ketua Bahagian, Pendaftar, wakil Unit Khidmat Pengurusan dan Unit Penilaian Latihan bagi setiap bahagian, serta seluruh ahli Pasukan Audit Dalam INSTUN. Sejurus selepas majlis perasmian pembukaan oleh Tuan Pengarah, kerja-kerja audit telah dijalankan secara intensif mengikut perancangan yang melibatkan setiap bahagian di INSTUN bagi memastikan pematuhan prosedur yang ditetapkan. Sepanjang dua hari tersebut, proses audit berjalan lancar dengan kerjasama erat daripada semua auditi. Pasukan audit telah melaksanakan semakan dokumen dan penilaian proses kerja di setiap peringkat bagi mengenal pasti ruang penambahbaikan. Usaha kolektif ini penting bagi memastikan setiap bahagian berfungsi mengikut piawaian ISO 9001:2015 demi kecemerlangan penyampaian perkhidmatan institut.

Program ini diakhiri dengan sesi penutup pada 29 April 2026, jam 3.00 petang. Sesi penutupan tersebut dihadiri oleh barisan pengurusan dan jawatankuasa yang sama seperti sesi pembukaan. Keputusan audit yang dibentangkan menunjukkan dedikasi warga INSTUN dalam mengekalkan kualiti kerja, sekali gus memastikan organisasi sentiasa bersedia untuk menghadapi audit pematuhan luaran pada masa akan datang.



PROGRAM JOM SIHAT

TARIKH: Sepanjang bulan April 2026

TEMPAT: Perkarangan INSTUN

RINGKASAN PROGRAM: Program Jom Sihat bagi bulan Aprili telah dilaksanakan pada 1,8,15,22 dan 29 Mac 2026. Program dimulakan pada jam 7.45 pagi dengan senaman ringkas, kemudian peserta boleh melaksanakan aktiviti sukan masing-masing seperti briswalk, berbasikal, bersenam di gimnasium, bermain badminton, tenis dan bola tampar. Seramai 81 orang kakitangan INSTUN telah menyertai program ini.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JKPAK) FASILITI SUKU TAHUN PERTAMA BAGI TAHUN 2026 INSTUN

TARIKH : 08 April 2026.

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Melati, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Unit Pengurusan Fasiliti (UPF) menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) Fasiliti Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN) Bilangan 1 Tahun 2026 pada 08 April 2026. Kekerapan mesyuarat ini adalah sebanyak empat kali setahun. Mesyuarat ini diadakan berpandukan Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2021 untuk membincangkan Laporan Penerimaan dan Pendaftaran Aset, Laporan Penyelenggaraan dan Perbelanjaan Aset Tak Alih, Laporan Pemulihan/ Pemuliharaan/ Ubah Suai/ Naik Taraf (PPUN) Aset Tak Alih, Laporan Pelupusan Aset Tak Alih, Laporan Kehilangan dan Hapus Kira serta masalah/isu yang berkaitan dengan Aset Tak Alih (ATA).



BENKEL PELAN PEMBANGUNAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) 2026-2030 INSTUN

TARIKH : 21 April 2026.

TEMPAT : Secara Atas Talian.

RINGKASAN PROGRAM : Unit Integriti telah mengadakan Bengkel OACP secara dalam talian pada 21 April 2026. Jemputan penceramah bengkel ini adalah merupakan KPKPJ Puan Farah Najwa Binti Abdul Aziz, Ketua Unit Integriti Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). Para peserta bengkel adalah merupakan ahli jawatankuasa yang telah dilantik untuk membangunkan pelan OACP. Tujuan Bengkel ini diadakan adalah untuk membangunkan semula pelan Pembangunan OACP yang telah tamat pada 2025.



MAJLIS APRESIASI PRESTASI PRESTASI INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA TAHUN 2025

TARIKH : 27 April 2026.

TEMPAT : Auditorium, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Institut Tanah dan Ukur Negara telah berjaya menganjurkan Majlis Apresiasi Prestasi Institut Tanah dan Ukur Negara Tahun 2026 secara bersemuka bertempat di Auditorium, INSTUN pada 27 April 2026. Secara keseluruhannya, majlis ini telah dihadiri oleh kesemua kakitangan INSTUN seramai 146 orang.

Majlis ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi penghargaan ke atas sumbangan pegawai dan kakitangan INSTUN untuk terus berusaha memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada Institut serta memberi kesedaran kepada semua Warga INSTUN bahawa mereka amat penting di dalam mengekalkan kecemerlangan Institut ini di mana segala jasa dan sumbangan setiap Warga INSTUN adalah dihargai di samping mengiktiraf pencapaian dan prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan oleh pegawai dan kakitangan pada tahun penilaian dan memberi dorongan dan inspirasi kepada pegawai dan kakitangan yang lain untuk meningkatkan prestasi dalam perkhidmatan awam.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YBr. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN. Seramai dua puluh tujuh (27) penerima anugerah telah diraikan di mana sebelas (11) orang penerima bagi Kategori Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Dua belas (12) orang penerima Kategori Anugerah Keterampilan INSTUN (AKI), tiga (3) orang penerima Anugerah Penceramah Cemerlang (APHC) dan seorang (1) penerima Anugerah Penceramah Muda Cemerlang (APHMC). Majlis ini turut disajikan dengan persembahan khas daripada Cacibor Buskers Tanjong Malim.



PEMERIKSAAN ASET ALIH KERAJAAN INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)

TARIKH : April 2026.

TEMPAT : INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Pegawai Pemeriksa Aset Alih Kerajaan (PPAAK) INSTUN telah menjalankan tugas pemeriksaan di sekitar kompleks INSTUN secara berperingkat untuk mencapai sasaran 100% bagi tahun 2026.

